

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN EKSPLO WARISAN SENI DAN KRAF TRADISI MALAYSIA (UCAPAN INI
DISAMPAIKAN BAGI PIHAK Y.A.BHG. DATIN SERI OLEH PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BTE
DATO SYED MOHAMMED)
Lokasi : STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-08-1986

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah keizinanNya dapat saya bersama-sama dengan saudara-saudari sekalian pada pagi ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jawatankuasa Penganjur Ekspo Warisan Seni dan Kraf Tradisi Malaysia kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Ekspo Warisan Seni dan Kraf Tradisi Malaysia yang pertama kali diadakan ini.

2. Saya difahamkan bahawa koleksi barang-barang yang dipamer dan dipasarkan di Ekspo ini termasuklah hasil rimba, hasil laut, hasil bumi, senifoto, seni lukis dan barang-barang 'agro-base'. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam Ekspo ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Kita bersyukur kerana Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan warisan seninya. Terdapat di negara kita sebahagian daripada tradisi kebudayaan dan tamadun serantau.

Daripada segi kraf tradisi, negara kita menghasil dan mewariskan karya seni yang halus pada tembaga dan perak, ukiran-ukiran tradisi dan berbagai hasil kerajinan tangan.

Karya yang ada pada tradisi dan kebudayaan kita membuktikan kekayaan pemikiran dan daya kreatif yang tinggi di kalangan masyarakat kita.

4. Pada zaman penjajahan dahulu nilai budaya kita tidak langsung mempunyai tempat. Persepsi umum mengenai seni kalau ada pun hanya ditumpukan kepada yang bersifat menghibur sahaja. Justeru itu, masyarakat kita secara sedar atau tidak sedar telah memandang remeh terhadap potensi unsur-unsur budaya sebagai satu keperluan dalam pembangunan sosio-ekonomi yang berkembang pesat. Cita rasa penghidupan harian lebih memberi ruang kepada bentuk-bentuk rupa baru yang diimport dari luar. Keadaan ini telah meletakkan kemahiran tradisi ke tahap yang rendah sehingga tidak berupaya untuk berkembang, bahkan ada di antaranya yang telahpun lenyap sama sekali.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Kita mestilah membina negara kita dalam konteks dan cara yang bersesuaian dengan kebudayaan kita sendiri. Untuk mencapai hasrat ini kita mestilah berusaha untuk menonjol serta mengutamakan budaya kita di pelbagai bidang dan skop.

Dengan cara ini pembinaan Kebudayaan Kebangsaan akan lebih mudah tercapai. Budaya tidak lagi kita lihat sebagai satu aspek sempit dan statik. Koleksi barang-barang yang dipamerkan di Ekspo ini membuktikan bahawa budaya boleh dijadikan satu komoditi yang boleh diurusniaga serta diperdagangkan.

6. Kerajaan sentiasa bersikap bersungguh-sungguh bagi memperdagangkan hasil budaya kita. Kita dapat lihat berbagai-bagai skim yang berkaitan dengan unsur seni yang boleh diperdagangkan wujud dalam program Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Perbadanan-perbadanan dan Pusat-pusat pengajian tinggi.

Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan program Industri Kampung, MARA Holdings dengan industri pembuatan kain, perabot, kulit kraf dan sebagainya.

Dalam hal ini Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang menjadi ahli kepada Majlis Kraf Sedunia memainkan peranan yang tidak kurang penting untuk memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha kraf.

7. Apabila kita bercakap mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan urusan selain daripada memikirkan usaha pengeluaran, perkara pokok yang kita harus juga rancang dan tentukan ialah soal pusat pemasaran.

Pengwujudan pusat pemasaran akan lebih meyakinkan pihak pengusaha untuk mengeluarkan hasil-hasil mereka. Untuk tujuan ini pihak Kerajaan telah menubuhkan sebuah pusat pemasaran kraf di Kuala Lumpur, iaitu Karyaneka, bertempat di Jalan Raja Chulan. Sudah tentunya dengan penubuhan pusat ini, peranannya bukan sahaja untuk memberi kemudahan kepada para pelancong dalam negeri datang membeli-belah barang-barang tempatan tetapi juga merupakan satu kemegahan dan satu identiti negara yang disediakan untuk kemudahan para pelancong dari luar negeri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Persidangan PATA baru sahaja selesai. Kita rasa bertuah kerana kita telah dapat menyempurnakan amanah yang diberikan kepada kita oleh Badan Antarabangsa ini. Dari penat lelah kita dalam merancang dan menganjurkan Persidangan PATA ini, kita percaya para delegasi yang menyertai Persidangan tersebut telah sedikit sebanyak dapat melihat negara kita dengan lebih dekat. Saya juga percaya bahawa mereka akan datang lagi atau sekurang-kurangnya menyampaikan pengalaman mereka semasa berada di Malaysia.

9. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan jadual peristiwa-peristiwa yang boleh menarik para pelancong ke Malaysia. Berkaitan dengan ini, saya suka mengesyorkan supaya faktor kebudayaan patut ditonjolkan bagi memenuhi keperluan pelbagai kategori pelancong. Faktor budaya merangkumi pelbagai bidang dan bentuk yang antaranya ialah alam semulajadi dan persekitaran, kesan-kesan peninggalan sejarah, pelbagai bidang kesenian, industri budaya dan budibahasa dan kesopanan.

10. Saya diberitahu bahawa semasa Ekspo ini berjalan, pihak penganjur juga akan mengadakan bengkel mengenai pembangunan kraf. Saya percaya bahawa para peserta yang akan menyertai bengkel ini akan dapat bertukar-tukar pendapat, serta menghasilkan resolusi-resolusi dan pemikiran-pemikiran yang tepat dan tegas ke arah pembinaan kraf di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Saya juga merasa bangga dan sukacita di atas usaha pihak penganjur kerana selain daripada berjaya mengumpulkan koleksi hasil-hasil kraf telah juga tidak lupa mempamerkan unsur-unsur warisan seni yang patut dipelihara dan dikekalkan seperti perubatan tradisi, kemahiran mengandam, keindahan pakaian tradisi, persembahan-persembahan kesenian dari suku-suku kaum, permainan-permainan tradisi, serta beraneka jenis bunga tempatan.

12. Daripada apa yang dapat kita lihat pada pagi ini adalah jelas sekali bahawa rangkuman bahan serta unsur-unsur seni ini mempunyai potensi yang cerah dalam aspek pembangunan industri budaya yang bukan sahaja memberi mata pencarian kepada pengusaha-pengusaha, malahan dapat juga menambahkan hasil negara. Untuk ini, saya suka menyarankan kepada semua yang berkenaan supaya

menanamkan semangat bersedia menerima cabaran pembangunan, bersedia menerima dan mencari pembaharuan dalam kreativiti dan teknikal bagi menghasilkan sesuatu yang dapat bersaing di pasaran terbuka dan juga bersedia menerima pembaharuan khususnya dalam perubahan sikap dan pemikiran secara bersungguh-sungguh dalam lapangan perniagaan, mengurus dan memasarkan senikraf itu sendiri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam ekspo ini, mudah-mudahan usaha yang murni ini direstui oleh Allah. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Ekspo Warisan Seni dan Kraf Tradisi Malaysia ini dengan rasminya.